

Kuwait yakin matlamat

UM 25 FEB 2003

KUALA LUMPUR 24 Feb. — Harapan anggota-anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) untuk mencapai kestabilan, pembangunan ekonomi, bebas daripada peperangan, membasmi kemiskinan dan penyakit boleh dicapai menerusi pembaharuan pendekatan dan penyuburan semula pergerakan itu yang sudah berusia 47 tahun.

Timbalan Perdana Menteri I Kuwait, Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-

Jabar Al-Sabah melahirkan keyakinan Malaysia selaku Pengerusi NAM untuk tempoh tiga tahun akan datang mampu melaksanakan peranan dan tanggungjawab tersebut.

Beliau yang bercakap sebagai wakil rantau Asia pada Sidang Kemuncak ke-13 NAM di sini hari ini menegaskan, rantau itu akan memberi kerjasama erat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku pengerusi baru NAM bagi mencapai matlamat-matlamat berkenaan.

“Ini bagi membolehkan persidangan ini mencapai kejayaan serta selaras dengan kecemerlangan anda (Dr. Mahathir) yang dikenali ramai dan kejayaan Malaysia diakui berjaya meraih kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan permodenan,” katanya.

Rantau Asia percaya persidangan yang diadakan dalam suasana serantau yang sensitif dan meningkatnya tekanan antarabangsa boleh dilaksanakan dengan lancar.

NAM boleh dicapai

Bagaimanapun Sheikh Sabah berkata, cita-cita dan tuntutan daripada anggota-anggota NAM terus bertambah.

“Tetapi negara-negara rantau Asia berazam untuk melakukan yang terbaik bagi mengatasi masalah itu dengan cara bijaksana, bersabar dan memantau semua kesukaran tersebut.

“Iaitu pergerakan ini memberi keutamaan mengekalkan kepentingan dan matlamat asal pengasas-

nya yang mewujudkan NAM berdasarkan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), undang-undang antarabangsa dan prinsip-prinsip hak asasi manusia.

“Kita patut mengembalikan keazaman hasil daripada pengajaran terdahulu, pengalaman serta melihat ke hadapan bagi mewujudkan hari esok yang lebih cemerlang berbanding hari ini,” katanya.

Kata Sheikh Sabah, kunci untuk melaksanakannya dan laluan yang

membawa kepada matlamat NAM ialah perpaduan di kalangan negara-negara anggota.

Tambah beliau, menghormati matlamat asas dan mengabaikan beberapa perkara dalam pergerakan itu atau mengubah matlamat, tidak dapat memastikan apa yang cuba dilakukan oleh NAM berjaya dicapai sejak ia ditubuhkan.

“Hanya dengan cara ini kita akan melayarkan kapal kita ke kawasan selamat,” katanya.